

SOALAN NO: 28

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : YB TUAN AHMAD BAIHAKI BIN ATIQULLAH
KAWASAN : KUBANG KERIAN**

SOALAN:

YB TUAN AHMAD BAIHAKI BIN ATIQULLAH minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah Kementerian bercadang menambah lorong di lebuhraya yang sering mengalami kesesakan lalu lintas.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya amat prihatin dengan kesesakan yang sering dihadapi oleh para pengguna. Kementerian ini melalui Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) sentiasa proaktif dalam memastikan kesan kesesakan yang dialami oleh pengguna lebuhraya diminimalkan.

Buat masa ini, Kerajaan tidak bercadang untuk menambah lorong mana-mana lebuhraya sedia ada. Cadangan penambahan lorong di lebuhraya merupakan perbelanjaan modal yang memakan perbelanjaan besar dan tertakluk kepada kebenaran pemegang bon atau sukuk selaku pihak yang menyediakan pembiayaan projek.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tujuan mengurangkan kesesakan yang berlaku waktu puncak pada hari bekerja, Syarikat Konsesi lebuhraya telah melaksanakan perkara-perkara seperti berikut:

1. Bekerjasama dengan Pasukan Trafik PDRM untuk melancarkan aliran trafik di lokasi-lokasi yang sering mengalami kesesakan.
2. Bekerjasama dengan Pihak Berkuasa Tempatan bagi mengurangkan kesesakan di persimpangan-persimpangan antara lebuhraya dan jalan milik Pihak Berkuasa Tempatan.
3. Melaksanakan aliran kontra di lokasi yang bersesuaian.

4. Bekerjasama dengan pelbagai saluran radio dan televisyen utama bagi tujuan penyaluran maklumat keadaan trafik semasa untuk kemudahan perancangan perjalanan para pengguna.
5. Menyampaikan maklumat semasa trafik melalui laman sesawang, media sosial dan melalui aplikasi LLM *Traffic* bagi membolehkan pengguna mendapatkan maklumat dari masa ke semasa.

Bagi jangka masa panjang pula, beberapa jaringan lebuh raya baru disamping rangkaian - rangkaian pengangkutan awam lain yang akan siap dijangka dapat mengurangkan kesesakan yang berlaku.

Sekian, terima kasih.